



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR

Berbelanja di dalam Negara, Rayakan Bersama

1. Menjelangnya musim perayaan bersempena Hari Kebangsaan ke-41, Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan menganjurkan Jualan Mega Brunei (JMB) 2025 dalam usaha mengukuhkan pasaran tempatan, yang akan berlangsung selama 53 hari bermula 20 Februari hingga 13 April 2025. JMB 2025 diharapkan dapat merangsang aktiviti perekonomian negara dengan menggalakkan orang ramai berbelanja di dalam negara untuk bersama-sama meraikan musim perayaan ini.
2. Inisiatif kebangsaan ini bertujuan untuk menggalakkan para peniaga dan pengguna bersama-sama mengukuhkan ekonomi dengan menyokong produk, perkhidmatan dan perniagaan tempatan. JPES mengalu-alukan syarikat perniagaan dari pelbagai sektor untuk menyertai dan memanfaatkan platform ini untuk meningkatkan jualan melalui tawaran diskain dan promosi yang menarik dan telus. Selain dari menyokong semangat perayaan, inisiatif ini juga mengukuhkan ekonomi tempatan dengan menggalakkan perbelanjaan domestik.
3. Para pengguna digalakkan untuk berbelanja di dalam negara semasa tempoh perayaan ini bagi memeriahkan Hari Kebangsaan dan Hari Raya Aidilfitri. Disamping menyokong peniaga tempatan, pengguna boleh menikmati tawaran eksklusif sambil membantu membina komuniti dan ekonomi keusahawanan yang berdaya tahan.
4. Kempen ini merupakan inisiatif untuk menyatukan masyarakat dan menyokong usahawan yang gigih, perniagaan kecil, dan jenama tempatan yang menjadi tulang belakang ekonomi Negara. Dengan memilih untuk berbelanja dalam negara, secara tidak langsung orang ramai dapat memberikan pekerjaan, merangsang perkembangan dan memupuk patriotisme.
5. Peniaga yang berminat untuk menyertai JMB 2025 boleh menghadapkan Borang Makluman Jualan yang lengkap melalui emel sales@jpes.gov.bn bermula pada hari ini sehingga 18 Februari 2025. Borang berkenaan boleh dimuat turun dari laman sesawang JPES dan aplikasi mudah alih PenggunaBijak. Senarai peserta akan dimuat naik ke dalam aplikasi PenggunaBijak untuk memudahkan pengguna berkunjung ke premis-premis berkenaan yang menawarkan promosi istimewa.

6. JPES mengingatkan peserta JMB 2025 untuk sentiasa menjalankan perniagaan dan acara jualan murah secara beretika dengan mematuhi **Peraturan-Peraturan Acara Harga Jualan Murah, Perintah Paparan Tanda Harga** dan **Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), Penggal 261.**
7. Bagi maklumat lanjut mengenai JMB 2025, orang ramai boleh menghubungi JPES melalui emel di sales@jpes.gov.bn, dan aplikasi mudah alih PenggunaBijak.

#####

Disediakan oleh:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (98)JPES/CAD/AHJM/Pt.2

Tarikh : 05 Syaaban 1446 / 04 Februari 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

Shop Local, Celebrate Together

1. As we approach the festive season, marked by the 41st National Day, Ramadhan and Hari Raya Aidilfitri, the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) under the Ministry of Finance and Economy will be launching the Jualan Mega Brunei (JMB) 2025 to energize the local marketplace, running for 53 days from 20 February to 13 April 2025. The JMB 2025 aspires to boost the country's economic activities by encouraging the public to shop locally and to celebrate the festive season together.
2. This nationwide initiative aims to encourage businesses and consumers alike to strengthen our economy by supporting homegrown products, services, and businesses. The DEPS invites businesses from all sectors to participate and take advantage of this platform to enhance their sales through attractive and genuine discounts and promotions. This initiative not only supports the spirit of celebration for these meaningful occasions but also strengthens the local economy by promoting domestic spending.
3. Consumers are encouraged to shop locally during this festive period, contributing to the vibrancy of National Day and Hari Raya Aidilfitri festivities. By supporting the local merchants, they can enjoy exclusive deals while helping to build a more resilient entrepreneurship community and economy.
4. This campaign is an initiative to unite communities and support the hardworking entrepreneurs, small businesses, and homegrown brands that are the backbone of our economy. By choosing to spend locally, consumers indirectly create jobs, stimulate growth, and foster a sense of national pride.
5. Businesses interested in participating in JMB 2025 can email their completed Sales Notification Form to sales@jpes.gov.bn from today until 18 February 2025. The Form is available for download on the DEPS website and the PenggunaBijak mobile application. Participating businesses will be featured in the PenggunaBijak app, making it easier for consumers to locate stores offering special promotions.

6. DEPS reminds JMB 2025 participants to adhere to ethical business practices in compliance with the **Cheap Sale Price Regulations**, the **Price Display Order**, and the **Consumer Protection (Fair Trading) Act, Chapter 261**.
7. For more information about JMB 2025, the public can contact DEPS at sales@jpes.gov.bn or through the PenggunaBijak mobile application.

#####

Prepared by:
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (98)JPES/CAD/AHJM/Pt.2
Date : 05 Syaaban 1446 / 04 February 2025